

Zahid Hamidi: Tiada tindakan lanjut keatas Pegawai SPRM

zahidhamidi.com

August 8, 2015

By Admin

Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamid berkata, tiada tindakan lanjut akan diambil ke atas pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang telah diambil keterangan berhubung kebocoran maklumat siasatan di media sosial.

Beliau, yang juga Menteri Dalam Negeri, ketika memberi jaminan itu berkata tindakan yang diambil Polis Diraja Malaysia (PDRM) ke atas pegawai SPRM adalah sekadar untuk mengambil keterangan dan sekiranya terdapat pegawai SPRM yang akan ditahan pada masa akan datang ia adalah sebagai mematuhi prosedur siasatan oleh pihak polis.

Beliau berkata siasatan yang dijalankan berhubung kebocoran maklumat di media sosial juga tidak hanya memfokuskan kepada SPRM, sebaliknya turut melibatkan beberapa agensi lain.

Timbalan Perdana Menteri berkata kebocoran maklumat yang sedang dalam siasatan di media sosial tidak seharusnya berlaku kerana ia tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.

Setakat ini, tujuh pegawai SPRM telah memberi keterangan berkaitan kes kebocoran maklumat kepada polis Bukit Aman. Berkata, hubungan baik antara PDRM dengan SPRM harus dikekalkan untuk membantu meningkatkan kebolehpercayaan, kewibawaan dan kredibiliti semua pihak.

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/tiada-tindakan-dikenakan-terhadap-anggota-sprm-1.122034>

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Blog at WordPress.com.

Source: <http://zahidhamidi.com/2015/08/08/zahid-hamidi-igp-khalid-sprm-macc/>